



## **KENYATAAN MEDIA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN JALIN KERJASAMA DENGAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

**Selangor, 22 Februari 2024** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) hari ini telah melakar satu lembaran baharu buat julung kalinya melalui jalinan kerjasama strategik di antara dua (2) agensi bagi memartabatkan pendidikan tinggi dan pembangunan ummah sejagat.

Memorandum Perjanjian (MoA) ini telah dimeterai oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan YBrs. Dr. Ridzwan Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif YWM dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN.

Turut hadir adalah YBhg. Dato' Prof. Dr. Noor Inayah Ya'akub, Presiden & Naib Canselor Infrastructure University Kuala Lumpur merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah & Pengerusi JK Penasihat Syariah YWM, Pengurusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pengurusan PTPTN. Sesi menandatangani memorandum ini diadakan bersempena dengan Program Wacana Ilmiah Wakaf Pendidikan 2024 bertempat di Hotel Royal Chulan, Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi utama negara mendukung misi untuk memperkasakan amalan penabungan bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman sekali gus memastikan anak-anak tidak dibebani hutang apabila tamat pengajian. Sehubungan dengan itu, sokongan padu daripada pelbagai pihak amatlah diperlukan agar PTPTN dapat terus berdiri megah sebagai institusi penabungan yang disegani.

Dalam menunaikan amanah yang diberikan, PTPTN kini mengorak langkah ke hadapan untuk menubuhkan wakaf pendidikan sebagai salah satu inisiatif bagi mempelbagaikan sumber dana PTPTN bagi tujuan pembiayaan pendidikan tinggi.

Melalui MOA yang dimeterai ini, PTPTN dan YWM komited untuk bekerjasama dalam pelaksanaan wakaf pendidikan. Kedua-dua pihak bersetuju menjalankan Kerjasama Wakaf Tunai Pendidikan PTPTN-YWM dengan merangkumi skop dan objektif kerjasama berikut:

- i. Menubuhkan dana wakaf sebagai salah satu inisiatif bagi mempelbagaikan sumber dana untuk pembiayaan pendidikan tinggi selain menerusi pemberian pinjaman pendidikan PTPTN sedia ada;
- ii. Menjadikan dana wakaf sebagai instrumen pengagihan semula kekayaan bagi pembangunan pendidikan negara dalam kalangan mahasiswa melalui alternatif bantuan pendidikan berbentuk biasiswa iaitu Wakaf Tunai PTPTN; dan
- iii. Mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman pendidikan, seterusnya mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman/ keberhutangan oleh mahasiswa.

Menurut Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Besarnya harapan saya, inisiatif ini akan mendapat sokongan padu masyarakat. Justeru, bagi pihak PTPTN, saya berharap apabila wakaf pendidikan ini dilancarkan, inisiatif ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat-syarikat korporat, institusi-institusi kewangan, agensi kerajaan dan swasta serta para pelanggan untuk melaksanakan amal kebajikan melalui wakaf pendidikan.”

“Saya yakin wakaf pendidikan ini akan dapat meningkatkan motivasi mahasiswa untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi sekali gus menjana kepada pembangunan modal insan negara. Paling penting, usaha ini juga dapat mengurangkan kebergantungan PTPTN kepada kerajaan sebagai sumber dana pembiayaan untuk jangka masa panjang,”ujarnya lagi.

Semoga kerjasama yang dimeterai ini akan membawa PTPTN dan YWM ke arah suatu fasa baharu yang lebih cemerlang dalam memperkasakan institusi wakaf sebagai instrumen pembangunan pendidikan dan sosioekonomi ummah.

---

Sebarang maklumat lanjut, hubungi:

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

- i. Puan Hasliza binti Abdul Latiff (hasliza@ptptn.gov.my / 019 - 354 2388)
- ii. Cik Noor Asila binti Mohd Noor (asila@ptptn.gov.my / 012 - 596 3437)